



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PADA 25 FEBRUARI 2022**

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat tempatan** yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	PERIHAL PENDAFTARAN SYARIKAT	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT
SH/ SUKNS/ BIL.1/ 2022	Perkhidmatan Penyewaan Dan Pengurusan Kafeteria Di Wisma Negeri, Tingkat B1, Blok B, Seremban, Negeri Sembilan Bagi Tempoh Dua (2) Tahun  <b>Peringatan :</b>  <i>Kehadiran Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia adalah digalakkan untuk menyertai Sebut Harga</i>	<b><u>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA</u></b>  i) Makanan Bemasak Islam/ Katering  <b><u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</u></b> (jika ada)  i) Makanan Bermasak Islam (Kod - 040103)	<b>7 Mac 2022 (Isnin)</b>  <b>10.00 pagi</b>  <b>Bilik Mesyuarat Teratai Tingkat G, Blok B Seremban, Negeri Sembilan</b>

Dokumen Sebut Harga diberikan secara percuma pada waktu pejabat mulai **7 Mac 2022 (selepas sesi taklimat)** hingga **11 Mac 2022** di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.**

Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN (jika ada)** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA (jika ada)** yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa mengambil dokumen Sebut Harga .

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari, 14 Mac 2022 (Isnin)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan mana-mana syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh ditetapkan tidak layak memasuki tawaran Sebut Harga.